



PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

1. Tawaran tender ini dipelawa kepada syarikat tempatan yang berpengalaman serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam kod bidang seperti di bawah yang pendaftaran masih sah tempohnya dari tarikh tutup tender.

NO TAWARAN	NAMA PROJEK	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN
SUKJ/DNJ/T/2026 (1)	PENYEDIAAN PERKHIDMATAN KATERING SEPANJANG PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR UNTUK TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN / 1 TAHUN DI PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR	KATEGORI 040103 - MAKANAN BERMASAK ISLAM	RM30.00

2. Syarikat hendaklah mengemukakan **sijil-sijil Asal Pendaftaran** berserta **Salinan** semasa membeli dokumen tender. **Perwakilan kuasa adalah TIDAK DIBENARKAN sama sekali.** Pengarah syarikat yang sah atau yang dinamakan di dalam pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan berurusan serta diwajibkan untuk menunjukkan kad pengenalan semasa membeli dokumen tender.

3. **Butiran Penjualan Dokumen Tender**

Tarikh dokumen tender dijual : **13 April 2026 (Isnin) - Buka Iklan**  
**20 April 2026 (Isnin) - Tutup Iklan**

Waktu urus niaga kaunter : 09:00 pagi - 12:00 tengah hari  
02:30 petang - 03:30 petang  
Isnin - Jumaat

4. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk sebagaimana berikut:
  - 4.1. Bank Deraf / Kiriman Wang Pos (Money Order) bernilai RM30.00 sekeping sahaja dibenarkan.
  - 4.2. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Bendahari Negeri Johor** sebagai bayaran dokumen tender.
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri, ditulis **nombor tender** serta **tajuk tender** di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:

Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor  
Aras 2, Bangunan Sultan Ismail,  
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor.

6. Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
7. Keputusan tender adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.



**ZARINA BINTI ABDUL KADIR**  
Jurutulis Dewan Negeri Johor  
Tarikh : 13.04.2026